

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, November 14, 2018 12:42 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: De'Sintok Fun Ride Semarakkan Konvokesyen



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

14 NOVEMBER 2018 / 6 RABIULAWAL 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

DE'SINTOK FUN RIDE SEMARAKKAN KONVOKESYEN



UUM ONLINE: Lebih 250 peserta dari Perak, Perlis, Pulau Pinang dan Kedah menyertai De'Sintok Fun Ride 2018 sekali gus menyemarakkan lagi Majlis Konvokesyen Ke-31 UUM.

Menurut Penolong Pengarah Kanan, Pusat Alumni, Omar Ibrahim, Pusat Alumni dengan kerjasama Persatuan Alumni UUM mengadakan kayuhan basikal secara santai bagi memeriahkan sambutan Pesta Konvokesyen Ke-31.

Jelasnya, acara ini merupakan kali ke-2 dianjurkan yang mendapat sambutan menggalakkan dari peserta apabila menunjukkan peningkatan berbanding tahun lepas.

“Kayuhan sejauh 34.6 kilometer ini melibatkan peserta di kalangan alumni, pelajar, staf dan masyarakat termasuk Perak, Perlis dan Pulau Pinang dalam usaha mengeratkan hubungan masyarakat dengan universiti.

“Acara ini juga selaras dengan hasrat negara yang mahu melihat warga Malaysia yang sihat, aktif, cergas dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran pembangunan negara,” ujarnya.

Acara *Flag Off* disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Dr. Abdul Malek Abdul Karim.

Sementara itu, Azizan Ali menyifatkan acara ini berupaya memartabatkan sukan berbasikal yang ideal untuk kesihatan di samping menjadi platform bertukar idea dengan peserta lain.

“Puas dapat mengerah seluruh tenaga dalam perjalanan yang jauh sekali gus menguji ketahanan mental dan fizikal.

Peserta bergerak dalam barisan mengikut arahan marshall sambil diiringi petugas dari Jabatan Keselamatan UUM.

“Saya cukup teruja sepanjang 2 jam kayuhan dan memang seronok kayuh beramai-ramai sambil mendapat kawan baru yang menjanjikan pengalaman manis untuk dikenang,” luahnya.

Sepanjang kayuhan terserlah sikap kerjasama, muafakat, berdikari, dan disiplin yang tinggi kerana berbasikal memerlukan seseorang itu mematuhi peraturan yang melibatkan keselamatan peserta dan pengguna jalan raya.

“Peserta cukup cekap, mempamerkan semangat setiakawan yang tinggi serta menamatkan kayuhan dengan selamat sejahtera,” ulasnya.

Selain menyihatkan badan, kayuhan ini memberi peluang kepada peserta menikmati panorama alam yang indah merentasi kawasan kampung, bukit bukau dan hutan menghijau.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
📘 Universiti Utara Malaysia (Official FB)





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.